



ALLIANCE ISLAMIC BANK

Lembaran Pendedahan Produk Surat Kredit-i

| <p>LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK</p> <p>Sila baca Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk memohon Surat Kredit-i. Jika permohonan anda telah diluluskan, pastikan anda membaca terma dalam surat tawaran sebelum menerima tawaran Bank untuk kemudahan tersebut. Sila rujuk pengurus perhubungan anda jika anda memerlukan penjelasan tentang terma tersebut.</p> |  <p>ALLIANCE ISLAMIC BANK Alliance Islamic Bank Berhad 200701018870 (776882-V)</p> <p>Nama produk: Surat Kredit-i</p> | | | | | | | | |
|---|--|---------------|---------|------------------|--|---|--|---------------------------------------|---|
| <p>1. Apakah produk ini?</p> | | | | | | | | | |
| <p>Surat Kredit-i (“LC-i”) adalah dokumen yang dikeluarkan oleh Bank atas permintaan pemohon (pembeli/pengimport) kepada benefisiari (penjual) sebagai jaminan pembayaran dalam tempoh masa tertentu dalam mematuhi penyampaian dokumen tertentu. Ia digunakan untuk import dan pembelian barangan tempatan.</p> <p>LC-i ditadbir oleh versi terkini Uniform Customs and Practice for Documentary Credits (UCP), terbitan International Chamber of Commerce yang sedang berkuat kuasa.</p> | | | | | | | | | |
| <p>2. Apakah kontrak Syariah yang digunakan?</p> | | | | | | | | | |
| <ul style="list-style-type: none"> Kontrak Syariah yang asas untuk LC-i ialah <i>wakalah</i>. <i>Wakalah</i> adalah kontrak agensi di mana satu pihak (pihak A) melantik pihak lain (Pihak B) untuk melaksanakan tugas tertentu bagi pihak Pihak A, lazimnya untuk pembayaran yuran atau komisen. Dalam konteks LC-i, pelanggan (pembeli/pengimport) melantik Bank sebagai ejennya untuk melakukan bayaran kepada benefisiari (penjual/pembekal) seperti yang ditetapkan dalam LC-i dengan syarat benefisiari mematuhi terma dan syarat LC-i. | | | | | | | | | |
| <p>3. Apa yang saya peroleh daripada produk ini?</p> | | | | | | | | | |
| <ul style="list-style-type: none"> Anda mempunyai peluang berunding dengan pembekal untuk mendapatkan terma kredit dan harga yang lebih baik. Anda boleh membayar pembekal hanya selepas barangan yang dibeli telah dihantar. Pembekal yang merupakan benefisiari LC-i juga akan diberi jaminan bahawa pembayaran akan dilakukan oleh Bank pengeluar apabila dokumen yang mematuhi terma dan syarat LC-i telah dikemukakan. | | | | | | | | | |
| <p>4. Apakah tanggungjawab saya?</p> | | | | | | | | | |
| <ul style="list-style-type: none"> Penyerahan senarai pembekal anda kepada Bank untuk kelulusan. Senarai pembekal yang diluluskan boleh disemak oleh Bank dari semasa ke semasa. Memenuhi kewajipan anda mengikut terma dan syarat LC-i. Pembayaran komisen kepada Bank untuk setiap penggunaan LC-i. Sila rujuk jadual di bawah: | | | | | | | | | |
| <table border="1"> <thead> <tr> <th>Jenis komisen</th> <th>Amaun</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Pengeluaran LC-i</td> <td>0.1% sebulan atau sebahagian daripadanya / seperti dalam Surat Tawaran untuk amaun LC-i ditambah kos sebenar dan caj yang sepadan, jika ada. Minimum: RM100.00</td> </tr> <tr> <td>Pindaan kepada LC-i untuk lanjutan / penambahan nilai</td> <td>0.1% sebulan atau sebahagian daripadanya untuk tempoh lanjutan / nilai tambahan ditambah kos sebenar dan caj yang sepadan, jika ada. Minimum: RM50</td> </tr> <tr> <td>Komisen Penerimaan untuk Kredit Usans</td> <td>0.1% sebulan atau sebahagian daripadanya untuk amaun LC-i bagi tempoh usans ditambah kos sebenar. Minimum: RM100.00</td> </tr> </tbody> </table> | | Jenis komisen | Amaun | Pengeluaran LC-i | 0.1% sebulan atau sebahagian daripadanya / seperti dalam Surat Tawaran untuk amaun LC-i ditambah kos sebenar dan caj yang sepadan, jika ada. Minimum: RM100.00 | Pindaan kepada LC-i untuk lanjutan / penambahan nilai | 0.1% sebulan atau sebahagian daripadanya untuk tempoh lanjutan / nilai tambahan ditambah kos sebenar dan caj yang sepadan, jika ada. Minimum: RM50 | Komisen Penerimaan untuk Kredit Usans | 0.1% sebulan atau sebahagian daripadanya untuk amaun LC-i bagi tempoh usans ditambah kos sebenar. Minimum: RM100.00 |
| Jenis komisen | Amaun | | | | | | | | |
| Pengeluaran LC-i | 0.1% sebulan atau sebahagian daripadanya / seperti dalam Surat Tawaran untuk amaun LC-i ditambah kos sebenar dan caj yang sepadan, jika ada. Minimum: RM100.00 | | | | | | | | |
| Pindaan kepada LC-i untuk lanjutan / penambahan nilai | 0.1% sebulan atau sebahagian daripadanya untuk tempoh lanjutan / nilai tambahan ditambah kos sebenar dan caj yang sepadan, jika ada. Minimum: RM50 | | | | | | | | |
| Komisen Penerimaan untuk Kredit Usans | 0.1% sebulan atau sebahagian daripadanya untuk amaun LC-i bagi tempoh usans ditambah kos sebenar. Minimum: RM100.00 | | | | | | | | |
| <ul style="list-style-type: none"> Pematuhan pada terma dan syarat dalam surat tawaran dan dokumen lain yang berkaitan dengan kemudahan tersebut. | | | | | | | | | |
| <p>5. Apakah yuran dan caj yang saya perlu bayar?</p> | | | | | | | | | |
| <table border="1"> <thead> <tr> <th>Yuran dan Caj</th> <th>Butiran</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Duti Setem</td> <td>Duti setem untuk dokumen undang-undang perlu dibayar mengikut Akta Duti Setem 1949 (disemak 1989).</td> </tr> <tr> <td>Yuran dan Caj</td> <td>Sila rujuk Surat Tawaran kami dan laman web korporat Bank (https://www.alliancebank.com.my/) untuk butiran lanjut. Harap maklum bahawa yuran dan caj di laman web Bank dikemas kini dari semasa ke semasa. Jika terdapat sebarang perubahan dalam yuran dan caj yang dikenakan ke atas kemudahan anda, Bank akan memaklumkan anda sekurang-kurangnya 21 hari kalendar sebelum tarikh kuat kuasa pelaksanaan tersebut.</td> </tr> </tbody> </table> | | Yuran dan Caj | Butiran | Duti Setem | Duti setem untuk dokumen undang-undang perlu dibayar mengikut Akta Duti Setem 1949 (disemak 1989). | Yuran dan Caj | Sila rujuk Surat Tawaran kami dan laman web korporat Bank (https://www.alliancebank.com.my/) untuk butiran lanjut. Harap maklum bahawa yuran dan caj di laman web Bank dikemas kini dari semasa ke semasa. Jika terdapat sebarang perubahan dalam yuran dan caj yang dikenakan ke atas kemudahan anda, Bank akan memaklumkan anda sekurang-kurangnya 21 hari kalendar sebelum tarikh kuat kuasa pelaksanaan tersebut. | | |
| Yuran dan Caj | Butiran | | | | | | | | |
| Duti Setem | Duti setem untuk dokumen undang-undang perlu dibayar mengikut Akta Duti Setem 1949 (disemak 1989). | | | | | | | | |
| Yuran dan Caj | Sila rujuk Surat Tawaran kami dan laman web korporat Bank (https://www.alliancebank.com.my/) untuk butiran lanjut. Harap maklum bahawa yuran dan caj di laman web Bank dikemas kini dari semasa ke semasa. Jika terdapat sebarang perubahan dalam yuran dan caj yang dikenakan ke atas kemudahan anda, Bank akan memaklumkan anda sekurang-kurangnya 21 hari kalendar sebelum tarikh kuat kuasa pelaksanaan tersebut. | | | | | | | | |

Melainkan dinyatakan sebaliknya di sini, caj Bank tidak termasuk sebarang cukai semasa dan cukai masa hadapan (jika ada) yang mungkin dikenakan di bawah perundangan yang berkaitan. Sekiranya mana-mana cukai sedemikian dilaksanakan di masa hadapan dan pada bila-bila masa yang berkenaan, Bank berhak untuk mendapatkan semula cukai sedemikian daripada anda.

6. Bagaimana jika saya gagal menunaikan tanggungjawab saya?

- Bank berhak untuk tolak selesai sebarang baki kredit dalam mana-mana satu akaun anda dengan Alliance Bank atau Alliance Islamic Bank untuk menyelesaikan amaun tertunggak yang timbul daripada penggunaan kemudahan LC-i oleh anda.
- Bank berhak mengambil tindakan undang-undang terhadap anda dan penjamin anda (jika ada) dan cagaran (jika ada) yang menjamin kemudahan boleh dibubarkan atau dirampas bagi menyelesaikan amaun yang perlu dibayar kepada Bank. Jika terdapat kekurangan dalam hasil yang diterima selepas pembubaran atau perampasan cagaran, maka anda akan perlu membayar kekurangan tersebut.

7. Bagaimana jika saya membatalkan LC-i?

Pengesahan/persetujuan daripada benefisiari mesti diperoleh sebelum pembatalan. Komisen yang dikutip untuk LC-i tidak akan dikembalikan. Bank tidak akan melakukan pembayaran kepada pembekal jika LC-i dibatalkan.

8. Adakah saya memerlukan sebarang perlindungan insurans/takaful?

Tertakluk pada inkoterm yang dirundingkan dalam kontrak jualan, perlindungan takaful akan diaturnya untuk barangan di bawah LC-i.

9. Apakah risiko utama?

- Barangan: Tidak dihantar, kurang penghantaran dan penghantaran barang bawahan, kehilangan atau kerosakan barangan dalam transit.
- Dokumen: Barangan boleh sampai sebelum dokumen diterima di bawah LC-i.
- Risiko Pertukaran Asing jika LC-i dalam mata wang asing.

10. Adakah saya perlu cagaran atau penjamin?

Keperluan untuk cagaran adalah tertakluk kepada penilaian kredit oleh Bank.

11. Apa yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan pada butiran perhubungan saya?

Adalah penting untuk anda memaklumkan kami mengenai apa-apa perubahan dalam butiran perhubungan anda bagi memastikan semua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya.

12. Di mana saya boleh dapatkan bantuan dan penyelesaian?

- Jika anda menghadapi masalah untuk membuat pembayaran bagi kemudahan, anda boleh hubungi pengurus perhubungan anda atau hubungi Unit Khidmat Pelanggan kami di:
Alliance Islamic Bank Berhad, Unit Khidmat Pelanggan, Aras 7, Menara Multi-Purpose, Capital Square, No. 8 Jalan Munshi Abdullah 50100 Kuala Lumpur.
Tel: 03-5624 3888 (Luar negara) / 1-300-80-3388 (Malaysia) Faks: 03-5516 9399 E-mel: info@alliancefg.com
- Sebagai alternatif, anda boleh mendapatkan perkhidmatan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), sebuah agensi ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk menyediakan perkhidmatan percuma mengenai pengurusan wang, kaunseling kredit, pendidikan kewangan dan penstrukturan semula hutang untuk individu dan PKS. Untuk maklumat lanjut atau untuk mendaftar, sila hubungi AKPK melalui Meja Bantuan Perusahaan Kecil Sederhana yang boleh diakses melalui laman web AKPK (akpk.org.my/) atau melalui berikut:
Menara Bumiputra-commerce, Aras 5 & 6, Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur.
Tel: 03 – 2616 7766 E-mel: enquiry@akpk.org.my
- Jika pertanyaan atau aduan anda tidak diselesaikan dengan memuaskan oleh kami, anda boleh menghubungi Bank Negara Malaysia LINK atau TELELINK di:
Blok D, Bank Negara Malaysia, Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur.
Tel: 1-300-88-5465 Faks: 03-2174 1515 E-mel: bnmtelelink@bnm.gov.my

13. Di mana saya boleh dapatkan maklumat lanjut?

Jika anda ingin mendapat maklumat lanjut tentang LC-i dan/atau produk dan perkhidmatan kami yang lain, sila layari laman web Bank kami di <https://www.alliancebank.com.my/> atau hubungi pengurus perhubungan perniagaan anda. Anda juga boleh hubungi kami di:

Tel: 1-300-80-3388 (Malaysia) 03-5624 3888 (Luar negara) E-mel: info@alliancefg.com

14. Produk dan perkhidmatan perdagangan / pembiayaan perdagangan lain yang disediakan:

| Bil. | Perkhidmatan | Bil. | Pembiayaan |
|-------------|-----------------------------------|-------------|------------------------------------|
| 1. | Surat Kredit Di Kaunter-i | 1. | Bil Penerimaan-i |
| 2. | Surat Kredit Tunggu Sedia-i | 2. | Resit Amanah Murabahah-i |
| 3. | Jaminan Bank-i | 3. | Pembiayaan Modal Kerja Murabahah-i |
| 4. | Jaminan Bank Di Kaunter-i | 4. | Pembiayaan Semula Kredit Eksport-i |
| 5. | Jaminan Perkapalan-i | 5. | Bil Eksport Dibeli-i (EP-i) |
| 6. | Bil Masuk untuk Kutipan-i (IC-i) | | |
| 7. | Bil Keluar untuk Kutipan-i (EC-i) | | |
| 8. | Surat Kredit Masuk-i (EL-i) | | |

Maklumat yang diberikan dalam lembaran pendedahan produk ini adalah sah pada [masukkan tarikh].

NOTA PENTING: TINDAKAN UNDANG-UNDANG BOLEH DIAMBIL TERHADAP ANDA JIKA ANDA GAGAL MEMENUHI TANGGUNGJAWAB PEMBAYARAN ANDA UNTUK KEMUDAHAN.

PENGAKUAN OLEH PELANGGAN:

Saya/Kami mengakui bahawa saya/kami telah membaca dan memahami ciri-ciri produk, terma penting dan kewajipan yang berkaitan dengannya. Saya/kami memahami bahawa lembaran pendedahan produk ini adalah untuk tujuan maklumat sahaja dan tidak boleh ditafsirkan sebagai tawaran oleh Bank atau kewajipan Bank untuk memberikan sebarang kemudahan kepada kami.

Nama:

Tarikh: